



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (26 OKTOBER 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **tujuh (7) kes** positif COVID-19 dikesan di Daerah Kuching. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 803 kes.**

A. Kes COVID-19 Baharu (7 Kes Jangkitan Tempatan)

i) Kes Ke-797

Kes merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang bekerja sebagai penjual kereta di Kuching. Kes telah menjalani saringan COVID-19 sendiri di sebuah fasiliti kesihatan swasta di Kuching kerana mengalami gejala batuk sejak 24 Oktober 2020. Saringan ujian rT-PCR telah dijalankan pada 25 Oktober 2020 dan kes telah didapati positif COVID-19 pada hari yang sama.

Kes tidak mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan berisiko jangkitan COVID-19 dan tidak mempunyai kontak dengan kes positif COVID-19. Kes telah dimasukkan ke wad pengasingan Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

Kes ini masih dalam siasatan lanjut untuk mengetahui punca sebenar jangkitan. Aktiviti pengesanan kontak rapat kepada kes ini sedang giat dijalankan. Sehingga punca jangkitan kes ini diketahui, kes ini akan dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan berdasarkan sejarah awal pergerakan kes.

ii) Kes Ke-798

Kes merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang menjalankan perniagaan atas talian. Kes telah menjalani saringan COVID-19 sendiri di sebuah fasiliti kesihatan swasta di Kuching kerana mengalami gejala demam dan batuk sejak 23 Oktober 2020. Saringan ujian rT-PCR telah dijalankan pada 25 Oktober 2020 dan kes telah didapati positif COVID-19 pada hari yang sama.

Kes tidak mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan berisiko jangkitan COVID-19 dan tidak mempunyai kontak dengan kes positif COVID-19. Kes telah dimasukkan ke wad pengasingan Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

Kes ini masih dalam siasatan lanjut untuk mengetahui punca sebenar jangkitan. Aktiviti pengesanan kontak rapat kepada kes ini sedang giat dijalankan. Sehingga punca jangkitan kes ini diketahui, kes ini akan dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan berdasarkan sejarah awal pergerakan kes.

iii) Kes Kluster Baki (Kes Ke-799, 800, 801, 802 dan 803)

Lima (5) kes baharu ini dikesan melalui aktiviti saringan kontak bagi Kluster Baki. Kes-kes ini merupakan kontak rapat kepada kes ke-789 yang dikesan positif pada 25 Oktober 2020.

Perincian kes-kes baharu ini adalah seperti berikut:

- a) **Kes Ke-799:** Perempuan warganegara yang merupakan jiran kepada kes ke-789. Kes merupakan seorang surirumah. Kes tidak mengalami sebarang tanda dan gejala.
- b) **Kes Ke-800:** Perempuan warga emas yang merupakan jiran kepada kes ke-789 dan ibu kepada kes ke-799. Kes mengalami gejala batuk.
- c) **Kes Ke-801:** Perempuan warganegara yang merupakan ahli keluarga kepada kes ke-789. Kes merupakan seorang petugas kesihatan di fasiliti kesihatan kerajaan di Kuching. Kes mengalami gejala demam, batuk dan selesema.
- d) **Kes Ke-802:** Perempuan warganegara yang merupakan ahli keluarga kepada kes ke-789. Kes merupakan seorang surirumah. Kes mempunyai gejala demam, batuk, selesema dan hilang deria bau.
- e) **Kes Ke-803:** Lelaki warganegara yang merupakan anak kepada kes ke-802. Kes merupakan seorang pelajar di Sekolah Kebangsaan Kampung Haji Baki. Kes mempunyai gejala selesema.

Kesemua kes telah dimasukkan ke wad pengasingan Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

B. Kluster COVID-19 yang masih aktif.

Hari ini, terdapat empat (4) kluster yang masih aktif di Sarawak. Kluster-kluster yang masih aktif adalah seperti berikut:

i) Kluster Bah Arnab di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai dua belas (12) orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 72 orang individu telah disaring, dimana:

- Empat (4) kes telah dikesan semasa saringan pertama dan
- Lapan (8) kes telah dikesan melalui saringan ulangan pada hari ke-10 semasa dalam kuarantin.
- 60 individu adalah negatif saringan COVID-19 termasuk 28 orang yang telah menjalani saringan kedua pada hari Ke-10.

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 16.67%. Sehingga 26 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, lapan (8) orang kes lagi masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan berada di dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

ii) Kluster Putra di Daerah Bintulu.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini seramai lima (5) orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 190 individu telah disaring dan lima (5) atau 2.63% telah dikesan positif COVID-19 dan 185 individu adalah negatif. Daripada 185 yang telah didapati negatif pada saringan pertama, seramai 80 orang individu atau 43.24% telah disaring untuk kali kedua (Hari Ke-10) di mana kesemua 80 individu tersebut juga telah didapati negatif ujian rT-PCR COVID-19.

Sehingga 26 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, kesemua orang kes yang dalam kluster ini telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital.

Adalah dimaklumkan bahawa satu (1) kes yang didaftarkan di Selangor telah dikeluarkan daripada kluster ini atas arahan Kementerian Kesihatan Malaysia setelah didapati mendapat jangkitan dari punca lain.

iii) Kluster Baki

Terdapat **lima (5)** kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini meningkat kepada tiga belas (13) orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 110 individu telah disaring, dimana:

- Tiga belas (13) kes dikesan positif COVID-19;
- 97 individu negatif; dan

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 11.82%. Sehingga 26 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, semua kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

Aktiviti Pengesanan Secara Aktif di Kampung Haji Baki

Seramai 845 individu telah disaring semasa aktiviti pengesanan secara aktif yang telah dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak di Kampung Haji Baki pada 25 Oktober 2020. Kesemua individu yang di saring masih menunggu keputusan ujian Makmal.

iv) Kluster Seladah

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai tujuh (7) orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 18 individu telah disaring, dimana:

- Tujuh (7) kes dikesan positif COVID-19;
- Lima (5) individu negatif; dan
- Enam (6) individu yang masih menunggu keputusan.

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 38.88%. Sehingga 26 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, semua kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

C. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.

Dimaklumkan juga bahawa **terdapat empat (4)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Kesemua kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj ini adalah dari Hospital Miri. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah seramai **732** orang atau **91.16%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan dasingkan di hospital adalah seramai **52** orang iaitu:

- 49 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak; dan
- Tiga (3) kes di Hospital Miri

Tiada kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **Tiada** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 2.37%**.

Hari ini **11 PUI** baru telah dilaporkan dan **empat (4)** kes PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

D. Aktiviti Pengesanan Secara Aktif Di Kawasan 101 Kuching

Susulan pengesanan kes positif COVID-19 warga China pada 23 Oktober 2020, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak dengan kerjasama agensi di bawah Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah menjalankan aktiviti pengesanan secara aktif di kawasan 101 Kuching pada malam 25 Oktober 2020.

Seramai 271 individu telah disaring semasa aktiviti pengesanan secara aktif yang telah dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak di kawasan 101 Kuching. Kesemua individu yang di saring masih menunggu keputusan ujian Makmal.

E. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Daerah Kuching kekal berstatus Kuning dengan jumlah keseluruhan seramai 33 kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Ini menjadikan jumlah daerah yang masih berstatus Kuning adalah satu (1) buah daerah dan 39 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

A. Penutupan Sekolah

Dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak telah mengeluarkan arahan penutupan **Sekolah Menengah Kebangsaan Wira Penrissen, Kota Samarahan dan Sekolah Kebangsaan Jalan Haji Baki** untuk tempoh tujuh (7) hari mulai 26 Oktober hingga 1 November 2020 bagi membolehkan kerja-kerja pembersihan dan disinfeksi dijalankan seperti yang terkandung dalam surat Arahan Penutupan Sekolah kerana Pengesahan Kes Jangkitan COVID-19 daripada Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Operasi Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia.

3. LAPORAN NOTIS TANGKAPAN / KOMPAUN / AMARAN / SITAAN

Hari ini pihak PDRM telah menangkap dua (2) warga tempatan di Tanjung Kidurong, Bintulu kerana mengurus sebuah pusat hiburan (bar) tanpa lesen, beroperasi lebih masa (diserbu pada jam 3.00 pagi) dan tidak mengamalkan penjarakkan fizikal. Daripada serbuan tersebut, seramai 40 pelanggan telah dikompaun.

PDRM juga telah mengeluarkan **42 kompaun** di Daerah Bintulu (40) dan Miri (2).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **63 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan BDA (27), SMC (17), DBKU (14) dan MD Serian (5).

4. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)

Hari ini sebanyak **1,635 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (234), Restoran (286), Kilang (8), Bank (129), Pejabat Kerajaan (71), Penjaja (33), Pasar Tani/Awam (77), Tempat Ibadah (95), Tempat Riadah (51), Tapak Pembinaan (19) dan lain-lain (632).

Seramai **550 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (256), ATM (32), RELA (128), APM (82), PBT (35), KKM (8) dan lain-lain agensi (9).

5. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1) dan Sri Aman (1). Melalui 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **589** jumlah kenderaan telah diperiksa.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

26 OKTOBER 2020

5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN**1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK**

Kes Terdahulu	796	Kes sedang dirawat di hospital	52	6.48%
Kes Baharu	7	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	137,571	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>)	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	803	Jumlah kes kematian	19	2.37%
IR per 100,000 penduduk	26.03	Kes telah sembuh dan discaj	732	91.16%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	4	9,184	12	9,991
Menunggu keputusan	3	4		

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	49	0	0	3	0	52
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>)	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	0	0	0	4	4
	Kumulatif	605	39	46	40	732
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>)	9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (1)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	10	6,625	7	500	0	440	0	12	48	47	33
Jumlah		10	6625	7	500	0	440	0	12	48	47	33

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (39)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Samarahan	1	572	0	113	0	109	0	4	0	0	0
2	Bintulu	0	312	0	46	0	46	0	0	0	0	0
3	Lubok Antu	0	28	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Sibu	0	116	0	15	0	15	0	0	0	0	0
5	Lawas	0	21	0	4	0	4	0	0	0	0	0
6	Serian	0	315	0	25	0	24	0	0	1	1	0
7	Lundu	0	257	0	3	0	3	0	0	0	0	0
8	Bau	0	179	0	7	0	7	0	0	0	0	0
9	Simunjan	0	63	0	8	0	8	0	0	0	0	0
10	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
11	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
12	Limbang	0	32	0	10	0	8	0	1	1	1	0
13	Miri	0	843	0	31	4	28	0	1	2	2	0
14	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
15	Sri Aman	0	54	0	4	0	3	0	1	0	0	0
16	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
17	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
18	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
19	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
20	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
32	Kapit	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
39	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		1	3,366	0	303	4	292	0	7	4	4	0
Jumlah Besar		11	9,991	7	803	4	732	0	19	52	51	33

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **129** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **23 buah hotel** adalah seramai **1,956 orang**. Manakala seramai **28,304 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 26.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (1,175)	Hock Lee	146
2		Kuching Park	144
3		Hilton	204
4		Harbour View	197
5		Riverside (Astana Wing)	151
6		Tune Hotel	99
7		Dormani Hotel	47
8		Grand Continental	187
9	Miri (481)	Mega Hotel	120
10		Imperial Palace	95
11		Eastwood Valley	56
12		Meritz	78
13		Miri	12
14		Dynasty	109
15		Citi Hotel	11
16	Bintulu (67)	Wasan Inn	16
17		Motel Kapok	32
18		Faber Inn	19
19	Limbang (115)	Purnama	62
20		Seri Malaysia (Lawas)	34
21		Shangshan (Lawas)	13
22		Mandarin (Lawas)	6
23	Sibu (118)	Premier	118
Jumlah PUS			1,956

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **8 lokasi di Kuching (4), Miri (2), Sri Aman (1) dan Sarikei (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,844 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 26.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	4	598
2	Miri	2	347
3	Sibu	TIADA	184
4	Samarahan	TIADA	122
5	Bintulu	TIADA	116
6	Sarikei	1	114
7	Limbang	TIADA	86
8	Serian	TIADA	67
9	Betong	TIADA	57
10	Sri Aman	1	53
11	Kapit	TIADA	51
12	Mukah	TIADA	49
Jumlah Keseluruhan			1,844

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **52 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 26.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MP Padawan	2
2	MD Serian	3
3	MD Lubok Antu	1
4	MP Sibu	9
5	MCC	13
6	MD Marudi	3
Jumlah		31